

Akademik Orang Asli ditingkat

Transformasi pendidikan mampu kurangkan kadar keciciran 6 peratus setahun

Oleh Abdul Razak Raaff
raaffar@bharian.com.my

B/H 22/6/12 MSL

● LUQMAN HAKIM ZUBIR | BERITA HARIAN

KUALA LIPIS: Mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli sebanyak enam peratus setahun mulai tahun depan, adalah antara tujuh inisiatif baru dalam Transformasi Pendidikan Orang Asli.

Program yang bertujuan meningkatkan prestasi akademik Orang Asli itu turut mengambil kira penambahan pelajar mengikuti Program Khas Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, di sini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata langkah itu adalah perubahan holistik dengan memberi penekanan pelbagai faktor yang dapat melonjak kecemerlangan pendidikan murid, guru, ibu bapa dan komuniti golongan berkenaan.

Beliau berkata, transformasi itu bermula dengan meningkatkan kualiti kepimpinan dan penguasaan sekolah yang mempunyai murid Orang Asli termasuk di Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian.

Katanya, ia bagi memastikan segala isu dan permasalahan murid Orang Asli dapat diselesaikan segera tanpa membelakangkan sosio budaya yang diamalkan.

"Inisiatif kedua pula menawarkan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) seperti penyelenggaraan motor, kemahiran dalam industri berasaskan getah, kraf, kemahiran reka fesyen dan keusahawanan di peringkat menengah rendah.

"Menerusi inisiatif ketiga mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli, kita berharap dalam tempoh lima tahun akan datang dapat memastikan mereka berjaya memperoleh sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya ketika melancarkan Transformasi Pendidikan Orang Asli Kebangsaan di Sekolah Kebangsaan Betau, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Ca-



MUHYIDDIN bersarapan bersama sebahagian Tok Batin Orang Asli sekitar Lipis pada majlis perasmian Transformasi Pendidikan Orang Asli Kebangsaan di Sekolah Kebangsaan Betau, dekat Kuala Lipis, semalam.

meron Highlands, S K Devamany.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, dalam inisiatif keempat, PISMP bertujuan menyediakan lebih ramai guru Orang Asli berkhidmat semula kepada kaum mereka dan ia akan dilaksanakan bulan depan dengan pengambilan pertama seramai 25 orang.

"Menerusi inisiatif yang sama, kita akan mewujudkan jawatan Pembantu Pengurusan Murid daripada kalangan Orang Asli bagi membantu guru mengurus penyediaan makanan, penjagaan diri dan kebersihan murid. Ia sedang diper-

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

halusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju menambah empat lagi Sekolah Model Khas Komprehensif K9, gabungan

pendidikan menengah rendah dan menengah lengkap dengan kemudahan asrama menerusi inisiatif kelima program transformasi itu.

Ia membabitkan perbelanjaan RM32 juta akan dimulai tahun depan di Perak, Selangor, Johor dan Pahang dan ketika ini, terdapat dua sekolah sedemikian iaitu di Paloh Hinai, Pekan dan Long Bedian, Sarawak.

Di CAMERON HIGHLANDS, Muhyiddin mengumumkan kerajaan meluluskan peruntukan hampir RM4 juta untuk membina dan menaik taraf beberapa kemudahan untuk kegunaan orang ramai di daerah ini.

Kelulusan itu membabitkan RM1 juta untuk kerja menaik taraf padang bola, RM2 juta untuk membina sebuah dewan masyarakat untuk kaum India dan RM900,000 untuk pembinaan enam gelanggang futsal.

Perkara itu diumumkan Menteri Besar Pahang ketika berucap mewakili Muhyiddin pada Majlis Jamuan Rakyat 1Malaysia di Padang Awam Majlis Daerah Cameron Highlands di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri yang dijadualkan menghadiri majlis itu pada jam 11 pagi, membatalkannya selepas helikopter dinaiki beliau tidak dapat mendarat di sini berikutan kabus tebal dan berjerebu.

INFO

Tujuh Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli

- Pemantapan tadbir urus sekolah yang mempunyai murid Orang Asli.
- Memasukkan elemen Pendidikan Asas Vokasional (PAV) peringkat menengah rendah.
- Mengurangkan keciciran murid sebanyak enam peratus setiap tahun mulai 2013.
- Menambah kemasukan Orang Asli mengikuti Program Khas Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis.
- Penambahbaikan kemudahan infrastruktur pendidikan Orang Asli.
- Mewujudkan ekosistem komprehensif menerusi kerjasama pelbagai pihak seperti kolej vokasional, institut pendidikan guru, institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan.
- Mewujudkan sistem pengesanan prestasi sekolah dan murid Orang Asli yang mengandungi aspek audit untuk penambahbaikan secara berterusan.